

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JUN 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 12  
SURAT

## Dasar fiskal naikkan cukai

12 | KOMENTAR

29 JUN 2025 | SINAR AHAD

# Dasar fiskal naikkan cukai



ASAM PEDAS

A KADIR JASIN

**P**engenalan dan peluasan skop pelbagai jenis cukai, tarif dan yuran serta penaikan kadarnya adalah manifestasi dasar fiskal Kerajaan Malaysia Madani.

Kalau kita kaji dasar percuakan sejak Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil alih jawatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada penghujung tahun 2022, kita akan dapati dasar fiskal adalah aspek utama reformasi besar-besaran.

Banyak cukai baru diperkenalkan, kadar cukai dan tarif sedia ada dinaikkan dan liputannya diperluaskan.

Dasar fiskal merujuk kepada cara kerajaan menggunakan perbelanjaan dan cukai bagi menentukan halal tuju ekonomi.

Dasar fiskal adalah kapdah yang digunakan bagi mengutus aspek ekonomi misio seperti inflasi, pengangguran dan pertumbuhan ekonomi.

Memang betul dasar fiskal Kerajaan

Malaysia Madani ini mendapat pujian agensi antarabangsa seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

IMF memuji komitmen Malaysia kepada kecermatan fiskal dan reformasi struktur ekonomi, khususnya penuguhkan percuakan dan pelaksanaan rangka Ekonomi Madani.

IMF juga memuji Bank Negara atas dasar mata wang yang berhemah serta keutuhan sistem kewangan.

Inilah dasar yang ditekankan oleh IMF dan diwajibkan ke atas negara-negara yang berhutang daripadanya. Susah senang rakyat jelata sebuah negara bukanlah keutamaan IMF. Yang utama adalah memastikan negara terbit mampu membayar baki hutang dan sistem perbankan kukuh.

Walaupun Malaysia tidak berhutang dengan IMF, tetapi hutang dan tanggungan hutang kerajaan Malaysia telah sampai ke tahap yang membimbangkan IMF.

IMF dan Bank Dunia sentiasa meningkatkan Malaysia agar mengawal tahap hutang dan mengekalkan kemerapanan fiskal.  
Hutang dan tanggungan kerajaan persekutuan meningkat dengan pesat sejak Kerajaan Malaysia Madani mener-

ambil alih pada bulan November 2022.

Pada masa itu, hutang dan tanggungan kerajaan pusat dilaporkan berjumlah RM1.39 trilion. Itu adalah angka yang disahkan oleh Ketua Audit Negara. Ia bersamaan dengan 78.1 peratus Kekurangan Negara Kasar (KDNK).

Sekarang, setelah dua tahun setengah (kira-kira 30 bulan) memerintah, perangkaan terbaru menunjukkan hutang kerajaan pusat, termasuk tanggungan, berjumlah kira-kira RM1.5 trillion, iaitu tertinggi dalam sejarah atau bersamaan 65.6 peratus KDNK.

Maksudnya, di segi jumlah, Kerajaan Malaysia Madani berhutang lebih banyak, iaitu kira-kira RM101 billion dalam masa 30 bulan, tetapi lebih rendah berbanding KDNK.

Langkah-langkah menambah hasil melalui cukai tidak dapat dilakukan kerana kerajaan mengamalkan *expansionary fiscal policy* laju memersatkan kegiatan ekonomi. Dasar ini melibatkan peningkatan permintaan agregat, sama ada dengan menambah perbelanjaan kerajaan atau memotong kadar cukai.

Dalam hal SST ini, kerajaan memutuskan untuk menaikkan kadarnya tetapi mengharapkan perbelanjaan swasta akan meningkat. Realitinya, apabila kerajaan memungut lebih banyak cukai daripada orang ramai dan

syarikat, kemampuan mereka berbelanja akan berkurangan.

Kesimpulannya, bukan kerajaan tidak tahu atau tidak peduli yang peningkatan dan peluasan skop cukai akan membebankan rakyat jelata dan menyebabkan kadar inflasi naik.

Kerajaan mesti tahu, tetapi ia mempunyai sebah kukuh untuk menaikkan cukai. Antaranya adalah ramalan kekurangan hasil kerajaan dan kejatuhan kadar pertumbuhan ekonomi.

Australia and New Zealand Banking Group (ANZ Bank) dalam kajiananya yang terbaru meramalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia mungkinerosot akibat pengurangan perbelanjaan kerajaan. Kerajaan kurang berbelanja sebab hasil merosot.

Hasil kerajaan pusat bagi tempoh Januari hingga April tahun ini berkembang pada kadar 4.2 peratus berbanding setahun lalu, iaitu lebih rendah daripada matlamat 5.2 peratus sepanjang tahun ini.

ANZ Bank meramalkan ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar 4.1 peratus tahun ini berbanding 4.5 peratus hingga 5.5 peratus yang kerajaan ramalkan.

\* Datuk A Kadir Jasin ialah Tokoh Wartawan Neutra

CS  
Scanned by